



BORANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI UNTUK PELANGGAN

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR

Nama : _____

Nombor Kad Pengenalan : _____

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, bagi tujuan mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi anda, persetujuan jelas perlu diperolehi dari anda sebelum sesuatu perkhidmatan dilaksanakan. Bagi tujuan memproses permohonan ini, data peribadi anda mungkin perlu didedahkan kepada beberapa pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Maklumat lanjut berkaitan Notis Perlindungan Data Peribadi MBSJ boleh diperolehi melalui portal rasmi MBSJ di www.mbsj.gov.my.

Deklarasi

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisytiharkan bahawa saya telah baca dan fahami serta bersetuju untuk tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi MBSJ dan saya menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada MBSJ :

- Untuk meminta, memperolehi, mengumpul, memproses dan menyimpan kesemua maklumat data peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk, perkhidmatan dan promosi yang ditawarkan oleh MBSJ; dan
- Untuk membenarkan MBSJ menzahirkan data peribadi saya kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi MBSJ apabila dikehendaki bagi tujuan yang dinyatakan di dalamnya.

Saya seterusnya mengesahkan bahawa kesemua data peribadi yang saya telah berikan adalah benar, terkini dan tepat. Saya juga faham bahawa saya boleh memohon untuk mendapatkan akses kepada data peribadi saya untuk tujuan mengemas kini atau membetulkan data tersebut. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana data peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada MBSJ dengan serta merta.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

DEKLARASI



Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Notis Perlindungan Data Peribadi yang dikeluarkan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) serta bersetuju dengan pemprosesan data peribadi saya selaras dengan kandungan Notis tersebut.